

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	04 MAY 2017

# Kerajaan hargai pengorbanan Salihin - PM

um - 4/5/2017

**PUTRAJAYA 3 Mei** - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan akan memberi penghargaan kepada seorang guru, Salihin Ahmad, 45, yang sanggup berkorban menjual rumah keduanya bagi membawa dua anaknya menyertai Pertandingan Catur Individu Sekolah Dunia 2017 di Romania baru-baru ini.

Jelas Perdana Menteri, pengorbanan Salihin itu merupakan hakikat pengorbanan seorang guru demi melihat anak didik mereka menempai kejayaan.

"Kita berbangga dengan pencapaian Nur Anisah, 17, dan Afiqah Zahra, 7, di Pertandingan Catur Individu Sekolah Dunia 2017 di Romania.

"Pengorbanan Cikgu Salihin dan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke pertandingan itu akan kita hargai melalui kementerian berkaitan," katanya kepada pemberita selepas meluangkan masa bersama Salihin, Nur Anisah dan Afiqah serta ahli keluarga mereka di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Salihin yang merupakan guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Udang, Klang, mendapat perhatian media selepas menjual rumahnya di Segamat, Johor pada harga RM65,000 berikutan tidak mendapat tajaan untuk membawa anak-anaknya ke pertandingan itu.

Pengorbanan Salihin untuk anak-anaknya nyata berbaloi



**NAJIB TUN RAZAK** ketika bertemu Salihin Ahmad, 45, dan anaknya, Nur Anisah dan Afiqah Zahra di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

apabila Afiqah mendapat tempat kelima dunia bagi kategori perempuan bawah 7 tahun manakala Nur Anisah mendapat tempat ke-19 dunia bagi kategori perempuan bawah 17 tahun.

Selain dua beradik tersebut, cabaran negara turut digalas 14 lagi peserta Malaysia dalam kejohanan yang berlangsung dari

21 April hingga 1 Mei lalu itu dan menghimpunkan lebih 500 pelajar dari 41 negara.

Menurut Najib, beliau berasa bangga dan mengucapkan tahniah kepada Salihin serta ibu bapa yang menghantar anak mereka le pertandingan tersebut.

"Kita akan pastikan bakat seumpama ini akan dipupuk dan

disokong sebaiknya kerana biarpun individu, ia membawa nama Negaraku Malaysia," ujarnya.

Dalam pada itu, menurut Salihin, beliau memperuntukkan enam jam sehari bagi anak-anaknya mengikut latihan permainan catur.

"Alhamdulillah, setakat ini pencapaian mereka amat berbaloi dengan pengorbanan yang dilakukan.